

Sila semak semasa dilafazkan

PM TKT

done X

8
UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO
DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA
KUALA LUMPUR
PADA HARI KHAMIS, 10 OKTOBER 1996
PUKUL 9.00 PAGI

PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN

Alhamdulillah, tahun ini genaplah lima puluh tahun usia parti kita UMNO. Lima puluh tahun dalam sejarah manusia tidaklah lama. Tetapi lima puluh tahun bagi sebuah parti politik di Malaysia adalah satu usia yang panjang. Kebanyakan daripada parti politik yang ditubuhkan lima puluh tahun dahulu sudah tidak ada lagi. Mereka sudah ditelan zaman. Tetapi UMNO masih ada, masih aktif dan masih berkuasa. Sebab itu kita harus insaf dan harus bersyukur.

2. Apakah UMNO akan terus berada lima puluh tahun lagi? Insya-Allah, UMNO akan terus berada. Tetapi mungkin juga UMNO akan ditelan zaman. Ada atau tidak adanya UMNO lima puluh tahun dari sekarang banyak bergantung kepada kita, ahli-ahli UMNO. Jika kita bijak, kita ikhlas, kita pegang kepada agama dan prinsip-prinsip perjuangan kita, kita cinta parti kita, bangsa kita dan negara kita, insya-Allah UMNO mungkin terus wujud. Tetapi jika kita lupa daratan, jika kita menjadi angkuh dengan kuasa yang kita perolehi, jika kita tamak dan hanya ingin melayan nafsu kita semata-mata, kemungkinan besar ialah UMNO akan termusnah dan luput dari muka bumi ini. Mungkin belum pun genap lima puluh tahun lagi, mungkin dalam jangka masa yang lebih pendek, mungkin pada pemilihan parti sekali lagi, mungkin juga pada tahun ini, UMNO akan terhapus.

3. Segala-galanya ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Tetapi Allah Subhanahu wa Ta'ala menyuruh kita berusaha sendiri sebelum mengharapkan pertolongan-Nya. Tambatlah unta kita dan berserahlah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jangan salahkan takdir jika kita sengaja melakukan apa yang dilarang oleh Tuhan. Yang cuba menyelamatkan diri juga mungkin tidak terselamat, kerana telah ditakdirkan. Tetapi yang cuba menyelamatkan diri lebih mungkin terselamat, dan itu juga takdir. Lebih baiklah kita cuba. Lebih baiklah kita tambat unta kita.

PEMILIHAN PEMIMPIN MASIH DEMOKRATIK

4. Dalam persidangan ini kita akan mengadakan pemilihan bagi badan yang tertinggi sekali yang mentadbir dan menguruskan parti kita. Tetapi pemilihan kali ini berbeza daripada pemilihan Majlis Tertinggi yang telah diadakan sejak UMNO ditubuhkan.

5. Kali ini ramai yang mungkin berpendapat bahawa ia kurang demokratik. Yang pertama, kita telah memutuskan dalam Mesyuarat Agung tahun lalu bahawa pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak akan diadakan kali ini. Kedua, kita telah mengharamkan kempen dan mensyaratkan bahawa calon-calon bagi jawatan-jawatan yang dipertandingkan mendaftarkan nama mereka di ibupejabat, tanpa apa-apa deklarasasi mengenai agenda mereka jika dipilih.

6. Kemudian kita tentukan bahawa bahagian-bahagian tidak perlu menyatakan siapakah daripada calon-calon yang telah mendaftar menjadi pilihan mereka. Semua bahagian dikehendaki mencalonkan semua calon yang telah mendaftar untuk semua jawatan.

7. Berbanding dengan kebebasan dalam pemilihan-pemilihan dahulu, tentulah ternampak pemilihan kali ini kurang bebas. Namun ia tidak boleh dikatakan tidak demokratik.

8. Dahulu, di zaman Dato Onn dan Tunku Abdul Rahman, pemilihan Majlis Tertinggi diadakan tiap-tiap tahun tanpa apa-apa masalah.

Biasanya tidak ada rebutan hangat untuk jawatan-jawatan dan keahlian dalam Majlis Tertinggi. Walaupun pada mulanya di zaman Dato Onn semua jawatan, termasuk Setiausaha Agung, Ketua Penerangan dan Bendahari dipertandingkan, tetapi tidak ada masalah berkenaan pemilihan mereka. Pilihan dibuat secara terbuka dengan mengangkat tangan sahaja. Pencalonan dibuat pada masa itu juga. Biasanya pemegang jawatan dipilih semula tanpa dicabar.

9. Apabila Tunku Abdul Rahman mengambilalih, pindaan dibuat kepada Perlembagaan UMNO supaya Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan dipilih oleh Yang di-Pertua. Sebabnya ialah kerana pegawai-pegawai ini perlu bekerja rapat dengan Yang di-Pertua Parti.

10. Selain daripada itu, Yang di-Pertua juga diberi hak melantik lima orang ahli Majlis Tertinggi atas budi-bicaranya sendiri. Ini adalah untuk menentukan orang yang tidak terpilih tetapi dipercayai oleh Yang di-Pertua boleh menyumbang kepada Parti akan dapat memainkan peranan dalam Parti. Sudah tentu hak-hak ini menjadikan Yang di-Pertua lebih kuat dalam Parti.

11. Semua pindaan kepada pemilihan Majlis Tertinggi ini telah dipersetujui dalam Perhimpunan Agung. UMNO sedar pada ketika itu lagi bahawa jika UMNO mahu diiktiraf sebagai mewakili orang Melayu dalam rundingan dengan British, gambaran bahawa UMNO adalah bersatupadu dan pemimpinnya disokong penuh oleh ahli-ahli dan orang Melayu amnya mestilah ternampak nyata. Jika tidak, pihak British tidak akan menghiraukan UMNO dan orang Melayu. Mereka akan terus mengugut Raja-raja Melayu supaya menerima semua rancangan mereka.

12. Kejayaan UMNO memang berasas kepada anggapan bahawa UMNO adalah 'solid' atau tumpat, dan apa juga pendirian Yang di-Pertua UMNO tetap mencerminkan pendirian semua ahli UMNO. Pihak British akhirnya terpaksa memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah

Melayu pada 1957, iaitu dua tahun lebih awal kerana mengikut kehendak UMNO.

13. Amalan memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi tiap-tiap tahun diberhentikan selepas peristiwa 1969. Apabila politik dibenarkan semula, UMNO membuat keputusan untuk mengadakan pemilihan Majlis Tertinggi tiga tahun sekali.

BUDAYA MELAYU LAMA KUATKAN UMNO

14. Budaya politik orang Melayu berubah secara beransur-ansur. Sementara jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden tidak dicabar sehingga tahun 1972, jawatan Ketua Pemuda dan Ketua Wanita mula dipertandingkan.

15. Kita harus bersyukur kerana budaya merebut-rebut tempat dalam parti tidak ada semasa UMNO ditubuhkan dan budaya ini tidak mewarnakan politik UMNO sehinggalah selesai perjuangan untuk kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman telah dijemput dengan rela hati oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak bersetuju dengan Dato Onn walaupun Tunku tidak terlibat secara langsung dengan UMNO sebelum menjadi Yang di-Pertua. Almarhum tidak meminta untuk dicalonkan dan tidak berkempen apabila dicalonkan. Dato Onn pula tidak dikalahkan dalam pertandingan. Allahyarham meletakkan jawatannya kerana pendiriannya tidak diterima oleh majoriti ahli Majlis Tertinggi UMNO pada ketika itu.

16. Walaupun pemergian Dato Onn menyebabkan beberapa pemimpin tertinggi UMNO mengikutnya, tetapi UMNO dapat dipulih semula oleh Tunku Abdul Rahman dengan disokong oleh Dato Abdul Razak, Sardon, Senu, Khir Johari, Aziz Ishak dan tokoh-tokoh UMNO yang lain. Di masa yang sama mereka yang sejak awal lagi tidak bersetuju dengan Dato Onn, seperti Dr Ismail dan abangnya Sulaiman Abdul Rahman, mula menyertai kepimpinan UMNO.

17. Barisan kepimpinan UMNO yang terbentuk setelah Dato Onn meninggalkan parti masih terdiri daripada orang Melayu lama iaitu

orang Melayu yang bersopan-santun dan berbudi bahasa, yang tidak ghairah untuk merebut jawatan. Demikian juga tokoh-tokoh lain dalam parti tidak berminat untuk merebut jawatan dalam Majlis Tertinggi melainkan jika ada kekosongan dan nama mereka dicadangkan. Kerap juga mereka menolak pencalonan mereka.

18. Mungkin budaya berlemah-lembut ini tidak sesuai dengan politik dan menjadikan UMNO tidak agresif dalam melawan penjajah seperti parti-parti politik lain di Asia Selatan, Asia Tenggara dan Afrika. Tetapi dengan tidak ada cabaran terhadap kepimpinan UMNO, UMNO telah menjadi kuat dan kepimpinannya mempunyai kredibiliti. Dengan itu UMNO dapat memperjuangkan kemerdekaan dengan jayanya. Jika kepimpinan 'gentlemen' seperti Tunku dicabar, kemungkinannya ialah British akan melaga-lagakan pihak-pihak tertentu dalam UMNO dan lewat-lewatkan proses kemerdekaan.

19. Walaupun Tunku tidak dicabar tetapi Almarhum tidak bergantung semata-mata kepada sifat berlemah-lembut orang Melayu. Selain daripada membuat perubahan berkenaan dengan jawatan-jawatan tertentu dalam UMNO, Tunku juga menghapuskan UMNO Negeri dan menggantikannya dengan Perhubungan UMNO Negeri. Dengan itu perwakilan ke Perhimpunan Agung datang daripada Bahagian-bahagian dan tidak seperti sebelumnya daripada UMNO Negeri yang sudah tentu lebih kuat dan lantang daripada Bahagian UMNO.

20. Sepanjang kepimpinan Tunku, tidak ada cabaran yang serius terhadapnya walaupun di tahun-tahun akhir kepimpinan beliau kedengaran pendapat bahawa beliau sudah terlalu lama menjadi Perdana Menteri. Terdapat juga pendapat bahawa mungkin ada baiknya jika jawatan Perdana Menteri dipisahkan daripada jawatan Yang di-Pertua UMNO. Ada juga resolusi pada tahun-tahun sebelum pilihanraya 1969 supaya Tun Razak mengambilalih kepimpinan parti dan juga menjadi Perdana Menteri.

21. Cabaran terhadap pucuk pimpinan parti tidak akan mempunyai apa-apa kesan selagi yang mencabar tidak mempunyai taraf yang

sama atau hampir sama dengan pemegang jawatan. Cabaran oleh ahli biasa tidak ada makna dan tidak mungkin berjaya.

22. Mengikut adat resam orang Melayu yang masih kekal di masa itu, adalah kurang sopan bagi seseorang yang sedang berada bersama dalam satu jawatankuasa, bahkan dalam satu Kabinet mencabar ketuanya. Budaya Melayu lama tidak membenarkan sesiapa yang setaraf atau hampir setaraf dengan Yang di-Pertua untuk cuba merebut jawatan Yang di-Pertua. Oleh itu walaupun ada resolusi di peringkat bawahan supaya Tun Razak mengambilalih tempat Yang di-Pertua, tetapi Tun sendiri menolak cadangan ini. Dengan ini barisan kepimpinan UMNO tidak pecah. Tetapi ada tanda-tanda yang Tunku sendiri telah berasa kurang senang dengan Tun Razak dan ingin melihat seorang tokoh lain menduduki tempat Tun dalam Parti dan Kerajaan. Namun Tunku tidak membuat apa-apa kerana menyingkir Tun Razak daripada jawatan Timbalan Yang di-Pertua dan Timbalan Perdana Menteri juga merupakan tindakan yang tidak sesuai dengan adat resam orang Melayu. Penyingkiran Abdul Aziz Ishak tidak sama dengan keadaan jika Tun Razak disingkir.

KEMUNCULAN BUDAYA BARU DALAM UMNO

23. Budaya Melayu lama melalui perubahan sedikit demi sedikit sehinggalah peristiwa 1969 berlaku. Rusuhan pada bulan Mei tahun itu menjadi kejutan dan faktor yang besar dalam mengubah sikap orang Melayu terhadap pemimpin. Tunku diselar sehingga Almarhum sendiri berpendapat bahawa populariti dan pengaruhnya sudah luput. Almarhum sendiri membuat keputusan untuk mengundur diri dan memberi tempat kepada Tun Razak.

24. Peralihan kepimpinan berlaku tetapi pertandingan antara pemimpin tertinggi masih tidak ada. Justeru itu, barisan kepimpinan UMNO masih tidak retak. Keadaan hampir kembali kepada budaya lama sehinggalah Dato Hussein Onn sebagai Presiden Parti dicabar oleh ahli biasa, iaitu Haji Suleiman Palestin. Ini bukanlah cabaran yang 'credible', namun ia memecah tradisi UMNO.

Selepas itu agak mudah jawatan Naib Presiden dan juga Timbalan Presiden dipertandingkan.

25. Tradisi akhirnya hancur apabila buat kali pertama cabaran yang 'credible' untuk jawatan Presiden dibuat pada tahun 1987 dan pertandingan yang sengit diadakan. Adat resam, sopan-santun Melayu hapus dengan pertandingan ini. Buat kali pertama wang diguna secara meluas. Kempen yang diadakan tidak lagi terhad. Tuduhan terbuka oleh calon dan penyokong yang memburukkan bukan sahaja calon tetapi Parti dan Kerajaan dibuat yang melemahkan kedua-duanya.

26. Akhirnya masalah Parti dibawa ke mahkamah dan Parti yang sedang memerintah diharamkan. Pergelutan berlaku untuk menubuh parti yang memiliki nama UMNO. Pihak yang gagal tidak sanggup menerima kenyataan dan terus menubuhkan sebuah parti lain untuk melawan parti yang jelas mewarisi UMNO. Alhamdulillah, perasaan benci-membenci ini telah reda dan hari ini ahli-ahli parti yang ditubuhkan untuk melawan UMNO akan kembali semula kepada UMNO. Bermaaf-maafan masih menjadi sebahagian daripada adat resam orang Melayu dan dengan itu perpecahan dapat digantikan dengan perpaduan. Yang putus adalah benang, bukan arang. Kita mengalu-alukan kembalinya rakan seperjuangan kita ke pangkuan UMNO supaya kita dapat bersama-sama memperjuangkan nasib kaum bangsa kita, insya-Allah.

27. Walaupun yang terputus sudah disambung semula tetapi kesan rebutan jawatan ini menghancurkan secara langsung budaya Melayu lama. Dalam UMNO pertandingan untuk apa juga jawatan tidak lagi beradab sekarang. Apa juga cara, termasuk penggunaan wang secara besar-besaran, digunakan walaupun di peringkat Cawangan dan Bahagian. Tidak syak lagi bahawa perpaduan dalam Parti tidak akan kekal jika rebutan seperti ini berlaku. Pisang mungkin tidak berbuah dua kali. Tetapi parti politik bukan pisang.

28. Permusuhan politik di kalangan orang Melayu biasanya berlanjutan ke dalam bidang sosial juga. Demikian sejak awal

lagi orang UMNO dan PAS tidak boleh berkawan walaupun di luar parti. PAS membawa budaya ini ke tahap yang keterlaluan. Mereka paksa ahli-ahli dan penyokong-penyokong mereka berpisah sama sekali dengan ahli-ahli UMNO sehingga mereka tidak boleh menghadiri majlis perkahwinan atau apa-apa kenduri yang diadakan oleh ahli UMNO, tidak boleh berkahwin dengan anak ahli UMNO, tidak boleh sembahyang bersama-sama ahli-ahli UMNO dan tidak boleh dikebumikan di kubur yang sama.

29. Budaya ini sedikit sebanyak terdapat juga dalam UMNO sehingga jika ada pertandingan untuk jawatan, permusuhan secara kekal berlaku. Segala tindakan untuk melemahkan pemenang akan diambil oleh pihak yang kalah dan sebaliknya. Perpaduan dalam parti hancur. Dengan ini tiap-tiap pertandingan akan menyebabkan pihak yang menang mempunyai penyokong yang semakin merosot bilangannya. Jika proses ini diteruskan UMNO akan mempunyai keahlian yang semakin kecil.

30. Kita percaya ini tidak berlaku kerana bilangan ahli UMNO bertambah sepanjang masa. Tetapi tambahan ini adalah kerana ahli baru. Ahli yang lama semakin merosot bilangan mereka kerana yang kalah kecewa dan mengasingkan diri daripada UMNO. Mereka yang dahulu mendapat tempat dan jawatan dalam Kerajaan sekalipun, apabila sahaja kalah, akan 'bersara' dan tidak aktif lagi. Hanya beberapa kerat sahaja daripada veteran-veteran ini yang terus aktif dan sanggup menyokong pengganti mereka.

31. Perubahan budaya UMNO dan orang Melayu ini perlu diakui oleh Parti dan usaha dibuat untuk menanganinya. Bukanlah semua daripada budaya Melayu baru ini tidak baik. Sebenarnya banyak daripada pertukaran adat resam dan sopan-santun Melayu ini membawa kebaikan. Tetapi bahawa mereka tidak lagi segan untuk menonjolkan diri dan bersaing mungkin boleh membawa kepada perpecahan kepimpinan Parti dan UMNO. Lainlah dalam bidang perniagaan, dimana kita mesti sanggup bersaing secara terbuka, menyusun strategi untuk menang, bagi mewujudkan ahli perniagaan dan pengusaha Melayu yang berwibawa dan berjaya. Kerana yakin

akan kebolehan diri, kita lebih mungkin berjaya membentuk satu bangsa yang dihormati oleh bangsa-bangsa lain, bukan kerana keangkuhan bangsa tetapi kerana kejayaan yang jelas dicapai oleh kita.

32. Tetapi 'self-confidence', kepercayaan kepada kebolehan diri, tidak boleh dibenar menjadikan seseorang itu 'over-confident' atau angkuh dan sombong kerana terlalu percaya kepada diri sendiri. Bahayanya 'over-confidence' ialah apabila mengejar kejayaan bagi diri, kesan terhadap pihak lain dilupa dan diketepikan. Demikian dalam bidang politik, seseorang tokoh mungkin berjaya sehingga mendapat jawatan tertentu, tetapi parti mungkin akan hancur kerana cara kempen yang dilakukan olehnya. Jika logik ini diteruskan kita akan mendapat pemimpin yang cekap berkempen yang akan memimpin parti yang semakin kecil. Akhirnya akan tinggal pemimpin sahaja tetapi tidak ada orang yang hendak dipimpin.

33. Ini bukan satu ramalan yang keterlaluan. Di sesetengah negara kerap berlaku perpecahan dalam parti politik tiap kali pemilihan pemimpin diadakan. Dan akhirnya bilangan parti bertambah dan permusuhan antara mereka menjadi lebih utama daripada penyelesaian masalah negara. Di negara kita juga perpisahan di antara UMNO dengan Dato Onn menyebabkan parti-parti IMP dan Parti Negara ditubuhkan, sementara pertandingan pada tahun 1987 menyebabkan parti Semangat 46 pula ditubuhkan. Alhamdulillah, majoriti orang Melayu menyokong UMNO (Baru) dan keadaan dapat dipulihkan. Apakah akan jadi jika parti masing-masing mendapat sokongan yang sama banyak? Tentulah parti lawan yang akan menang.

LARANGAN KEMPEN UNTUK SELAMATKAN UMNO

34. Tetapi kita tidak boleh membiarkan sahaja budaya Melayu ini berubah tanpa kita membuat perubahan dalam cara kita berpolitik supaya budaya baru ini tidak menghancurkan kita. Sebab itulah dalam pemilihan pemimpin kali ini kita telah membuat beberapa

perubahan. Dengan persetujuan Perhimpunan Perwakilan tahun lepas, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan. Mungkin ada anggapan bahawa ini adalah cara kedua-dua pemimpin ini menyelamatkan diri. Tetapi keputusan ini dibuat secara spontan, tanpa kempen oleh sesiapa. Jika saya tidak salah, niat kita ialah untuk mengelak daripada kempen dan pergelutan yang akan memecah-belahkan Parti seperti yang berlaku dalam tahun 1987.

35. Penyokong-penyokong calon tidak begitu mengambil berat akan nasib buruk Parti. Bagi kebanyakan daripada mereka, pertandingan antara pemimpin yang memegang jawatan Kerajaan bermakna peluang; peluang untuk mengekalkan jawatan mereka jika 'incumbent' menang atau peluang untuk mendapat jawatan jika pencabar menang. Tidak ada pertandingan bermakna tidak ada peluang. Tidak ada pertandingan sengit bermakna kurang balasan budi.

36. Generasi muda akan mewarisi parti. Tetapi biarlah parti yang akan diwarisi ini kukuh dan selamat. Tidak ada gunanya mewarisi parti yang lumpuh dan tidak bermaya. Seperti kata pepatah Melayu, "menang jadi arang, kalah jadi abu".

37. Dengan tidak adanya pertandingan bagi Presiden dan Timbalan Presiden demokrasi dalam parti mungkin tercemar sedikit, tetapi kita akan lebih selamat. Ingatlah demokrasi adalah untuk kebaikan parti dan bukan parti diadakan untuk demokrasi. Demokrasi tanpa parti yang berwibawa tidak bermakna.

38. Larangan terhadap berkempen menjadi penting kerana cara-cara yang tidak sihat digunakan dalam kempen. Dahulu, semasa UMNO mengadakan pemilihan Majlis Tertinggi tiap-tiap tahun tidak ada masalah yang menimpa parti. Sebabnya ialah calon-calon tidak berkempen. Mereka bergantung kepada rekod mereka dalam parti atau dalam Dewan-dewan Undangan tertentu. Sudah tentu jika mereka menjadi Menteri prestasi mereka ternampak jelas dan mudah dinilai. Tetapi harus diingat bukan semua yang dilakukan oleh Menteri, Ketua Menteri atau Menteri Besar atau Ahli Dewan dalam

menjalankan tugas akan menjadikan mereka popular. Yang penting ialah ahli-ahli dapat menilai sendiri prestasi calon-calon tanpa kempen yang sengaja memburukkan imej atau mendewa-dewakan calon.

39. Yang harus diingat juga ialah sebelum mereka mendapat tempat sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi mereka di peringkat negeri, atau bahagian, atau cawangan hendaklah baik dan menarik perhatian. Dengan perkataan lain, proses mendapat tempat dalam parti bermula di peringkat bawahan. Kadang-kadang ianya mengambil masa yang lama sebelum ketokohan seseorang itu dikenali dan diiktiraf. Hari ini ramai yang ingin 'lompat katak', entah dari mana, untuk menduduki tempat tertinggi dalam parti secepat mungkin.

40. Jika tidak ada kempen ada pihak yang mendakwa kononnya teraniayalah orang tertentu kerana kebolehannya tidak dapat ditonjolkan. Tetapi jika ada kempen pun ada yang akan menjadi mangsa kerana mereka tidak berupaya berkempen sedangkan yang kurang berbakat mampu menggunakan taktik tertentu yang boleh menonjolkan diri mereka. Sebenarnya yang cekap dan mampu berkempen dengan cara yang tidak sihat mungkin terdiri daripada orang yang tidak sesuai untuk memimpin parti. Kemungkinannya ialah dengan cara kempen sekarang, orang yang tidak mempunyai prinsip dan suka sogok akan memimpin parti. Parti tetap akan hancur jika orang seperti ini memimpin parti sehingga ke peringkat yang tertinggi. Parti UMNO akan dipimpin oleh perasuah yang membeli jawatan dan bukan mendudukinya kerana kebolehan yang diperlukan oleh Parti dan Kerajaan. Malaysia yang dipimpin oleh pemimpin yang korup akan merosot prestasinya dan mustahil Malaysia boleh menjadi negara yang berjaya. Kita akan dipandang hina oleh orang lain.

41. Jika kita melarang kempen dan membuat beberapa peraturan untuk pemilihan kali ini, tujuannya ialah untuk menyelamatkan parti. Yang penting dan utama ialah Parti, bukan individu tertentu. Individu boleh dikecewakan tetapi Parti perlu selamat dan berwibawa selama yang mungkin. Mereka yang kecewa harus

ingat bahawa jika ada kempen pun, kemungkinan mereka kecewa ada juga. Daripada segi Parti, kekecewaan beberapa tokoh tidak dapat dielakkan sama ada kempen dibenar atau tidak dibenarkan. Tetapi tanpa kempen, kerosakan kerana ada calon yang kecewa tidaklah seburuk kerosakan kerana kempen yang buruk dan sengit yang boleh memecah-belahkan Parti.

42. Kekecewaan di kalangan calon adalah perkara biasa apabila pertandingan diadakan. Tentu ada yang akan kalah. Mustahil rebutan untuk satu jawatan oleh lebih daripada seorang tidak akan menyebabkan ada yang kalah. Jika kita kalah dan kita sanggup menerimanya, maka terselamatlah Parti. Jika kita tidak sanggup menerima kekalahan maka adalah lebih baik kita tidak bertanding. Yang penting dalam pertandingan ialah semua pihak menerima keputusan. Sepertimana kita mahu pihak yang kalah menerima kita yang menang, kita juga, apabila kalah, mesti menerima yang menang.

43. Jika kita miliki budaya pertandingan, kita akan sanggup menerima apa sahaja keputusan. Selesai pertandingan maka kita mesti rapatkan semula barisan kita dan kita hadapi cabaran parti lawan. Seperti yang saya katakan tadi yang penting ialah parti, bukan individu tertentu. Parti tanpa individu tertentu akan dapat berpolitik secara berkesan, individu tanpa parti akan menjadi suara kecil di hutan belantara.

44. Walaupun tidak ada kempen, tokoh yang betul-betul baik tetap akan menarik perhatian dan sokongan. Sedikit demi sedikit ketokohnya akan diakui dan ia akan naik ke atas dan mungkin akhirnya menjawat jawatan yang tertinggi sekali. Ini bukan mustahil kerana pemimpin-pemimpin UMNO yang dahulu tidak berkempen, tetapi dapat menjadi pemimpin dan memegang jawatan-jawatan tinggi dalam Kerajaan.

45. Saya sedar adanya kemarahan di kalangan calon-calon dan ahli-ahli kerana tidak puas hati dengan tindakan mengharamkan secara langsung kempen dalam pemilihan ahli Majlis Tertinggi kali

ini. Macam-macam sekatan telah diadakan sehinggakan tidak siapa pun kononnya dapat bergerak. Saya kata kononnya, kerana umum mengetahui ada yang bergerak. Kita tahu siapa di antara calon-calon yang aktif, menggunakan nama saya dan nama Timbalan Presiden, bahkan menghulurkan wang. Kemenangan mereka tidak menjamin tindakan tidak akan diambil kemudian apabila kita mempunyai bukti yang cukup. Dan wakil-wakil yang ke sana ke sini untuk meminta itu dan ini, juga akan diambil tindakan disiplin walaupun pemilihan sudah selesai.

UMNO GERAKAN REFORMASI YANG BERKESAN

46. Tindakan luarbiasa ini diambil kerana UMNO terlalu penting bagi orang Melayu dan Bumiputera lain. UMNO bukan sahaja parti politik yang memberi peluang kepada orang tertentu mendapat jawatan dan tempat yang tinggi dalam Negara. UMNO juga bukan semata-mata bertujuan untuk memerintah dan membangunkan negara ini. UMNO adalah lebih daripada semua itu. UMNO adalah suatu gerakan reformasi atau gerakan pembaharuan bangsa Melayu dan Bumiputera yang lebih mampu dan berkesan daripada mana-mana gerakan reformasi yang lain. Sama ada kita akan dapat menebus maruah kita atau tidak, menjadi bangsa yang dihormati dan dipandang tinggi oleh bangsa-bangsa lain di dunia atau tidak, dan menjadi satu daripada bangsa maju atau tidak, bergantung kepada reformasi budaya yang telah dan akan dibawa oleh UMNO. Jika UMNO gagal membawa reformasi ini maka bangsa kita, Melayu terutamanya bersama Bumiputera lain akan kembali dihina dan diperhambakan. Saya yakin tidak ada seorang pun daripada ahli UMNO yang ingin kita kembali kepada keadaan orang Melayu semasa dijajah dahulu. Bahkan kita tidak pun ingin melihat kita kembali kepada keadaan kita sebelum 1969 di waktu mana kemerdekaan kita agak kosong kerana kita masih menjadi bangsa yang mundur, tidak berilmu dan tidak berjaya dalam apa bidang pun selain daripada politik.

47. Keadaan orang Melayu dan Bumiputera lain di waktu ini sudah berubah. Tidak ada siapa lagi yang menyoal kemampuan kita mentadbir dan membangunkan negara kita. Kita dapat buktikan

bahawa pentadbiran kita bukan sahaja jauh lebih baik daripada pentadbiran penjajah dahulu tetapi lebih baik daripada kebanyakan negara lain termasuk negara maju sekarang. Bangsa yang kononnya tidak faham ekonomi, perniagaan dan perusahaan, kini bukan sahaja dapat membangunkan ekonomi negara dengan begitu tinggi tetapi dapat menjadi contoh dalam pengurusan ekonomi kepada negara-negara lain. Bumiputera yang dikatakan tidak tahu berniaga, yang cuma mampu menjadi 'Ali' dalam perkongsian 'Ali Baba', hari ini memiliki dan mengurus firma-firma canggih yang maju jaya, bermodal berbilion ringgit dan meraih keuntungan yang setanding dengan firma-firma antarabangsa. Mereka mampu membeli syarikat-syarikat milik bukan Bumiputera bahkan milik orang asing di luar negara. Dalam bidang perbankan dan telekomunikasi, bidang penerbangan dan industri motor, Melayu dan Bumiputera setanding atau mendahului kaum-kaum lain di Malaysia. Dan banyak lagi kejayaan yang dicapai oleh Melayu dan Bumiputera kerana reformasi budaya yang diusahakan oleh Kerajaan pimpinan UMNO dan UMNO sendiri.

48. Namun prestasi negara, prestasi Melayu dan Bumiputera belum lagi sampai ke puncaknya. Ia belum sampai kepada tahap yang boleh menjamin ia dapat dikekalkan tanpa diawasi dan dipelihara oleh UMNO dan Kerajaan pimpinan UMNO. Kita belum betul-betul maju. Kita sedang melalui proses kemajuan. Kita masih rapuh. Jika digoncang, kita akan retak, pecah dan jatuh berkecai. Banyak lagi yang perlu dibuat terutama dalam pembentukan budaya dan sifat-sifat yang mampu menangkis dan menahan serangan. Dan tanggungjawab ini mesti dipikul oleh UMNO. Reformasi yang perlu dibawa mesti dibawa dan diusahakan oleh UMNO. Tamadun Melayu/Bumiputera baru mesti dibentuk dan dijayakan oleh UMNO. Parti dan kumpulan-kumpulan lain bukan sahaja tidak mampu berbuat demikian tetapi mereka mungkin menyebabkan segala yang telah dicapai dikembalikan kepada yang asal, mundur dan lemah. Jangan kita fikir ini tidak mungkin. Kita boleh lihat bagaimana banyak negara yang dahulunya maju telah merosot kerana pertukaran pemerintahan kepada yang tidak berkemampuan.

49. Sesuatu bangsa itu tidak berjaya atau gagal kerana kumpulan etniknya. Orang Eropah bukan berjaya kerana mereka orang kulit putih Eropah. Orang Jepun, Korea dan China bukan berjaya kerana mereka daripada kumpulan etnik Mongol. Demikian juga orang berkulit sawo matang bukan lemah atau kuat kerana mereka daripada orang yang berkulit sawo matang. Dalam semua kumpulan etnik ada yang berjaya dan ada yang gagal. Kemungkinan untuk gagal atau kemampuan untuk berjaya ada pada sesiapa sahaja.

50. Yang menentukan berjaya atau tidaknya sesuatu bangsa itu ialah budaya bangsa itu - iaitu jumlah nilai-nilai yang dipercayai, dipegang dan diamal oleh bangsa itu. Jika kombinasi nilai-nilai ini sesuai untuk kejayaan maka berjajalah bangsa itu; jika tidak, gagal dan mundurlah bangsa itu. Tamadun yang terkenal dalam sejarah manusia adalah hasil budaya yang sesuai dengan pembentukan dan pencapaian tamadun berkenaan.

UMNO MENGUBAH BUDAYA MELAYU

51. Jika pada hari ini kita telah mencapai kemajuan sedikit sebanyak, ia bukan sahaja kerana dasar-dasar Kerajaan tetapi yang utamanya kerana perubahan budaya Melayu dan Bumiputera lain yang dibawa oleh UMNO. Sebelum adanya UMNO, orang Melayu sanggup dihina dan dijajah. UMNOlah yang mempengaruhi pemikiran orang Melayu sehingga mereka berani bangun menentang penjajah yang mereka telah pertuankan dahulu.

52. UMNOlah yang menyemaikan kepercayaan bahawa orang Melayu mampu mentadbir negara sendiri yang merdeka. Di waktu parti-parti Melayu yang lain tidak yakin orang Melayu boleh memerintah negara sendiri, UMNO yakin dan dapat menyakinkan majoriti orang Melayu mengenai kemampuan mereka.

53. Selepas merdeka, timbul masalah mengisi kemerdekaan. Pemerintahan penjajah dahulu menganggap tugas pentadbiran ialah semata-mata menguatkuasakan undang-undang. Kerajaan pimpinan UMNO menganggap pentadbiran sebagai alat pembangunan negara dan

rakyat. Pendapat dan pendekatan UMNO mengenai konsep Kerajaan adalah ciptaannya sendiri dan jauh lebih bermakna dan lebih baik daripada yang dibawa oleh penjajah.

54. Hasilnya bangsa yang dahulu hanya boleh menanam padi dan menoreh getah, sekarang boleh mengeluarkan barangan canggih dalam kilang-kilang yang moden. Daripada bangsa petani muncul bangsa industri, dengan nilai-nilai hidup yang berbeza dan lebih sesuai dengan pembangunan negara dan persaingan dengan bangsa-bangsa lain.

55. Melayu dan Bumiputera di zaman industri di Malaysia tidak sama dengan Melayu di zaman Malaysia sebagai negara pertanian. Budaya mereka berubah secara radikal. Tidak semua perubahan ini baik. Tetapi jika budaya petani Melayu dikekalkan, tidak mungkin perindustrian akan berjaya dan bangsa Melayu terkenal seperti sekarang.

56. UMNO telah memainkan peranan dalam pembentukan budaya Melayu/Bumiputera ini dengan mengadakan pelbagai kursus, seminar, kajian dan beribu-ribu ucapan. Buku 'Revolusi Mental' dikeluarkan oleh UMNO dalam usahanya untuk membimbing orang Melayu supaya dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dari desa ke bandar, daripada petani ke pekerja kilang, dari zaman kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang kepada zaman pendapatan yang tetap dan perbelanjaan yang terancang.

57. Mungkin ramai daripada kita tidak sedar akan reformasi budaya yang diusahakan oleh UMNO secara langsung atau tidak langsung. Tetapi hakikatnya ialah UMNO telah mengubah budaya orang Melayu dan membentuk budaya baru untuk mereka. Dan budaya inilah yang menolong menjayakan, walaupun tidak sepenuhnya, Dasar Ekonomi Baru.

MEMBENTUK BUDAYA HADAPI ZAMAN MAKLUMAT

58. Tetapi budaya yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru belum tentu dapat menjayakan kita di Zaman Maklumat yang sudah tiba. Walaupun maklumat boleh meningkatkan kebolehan kita dalam pelbagai bidang, ia juga boleh merosak dan melemahkan kita.

59. Hari ini kita menghadapi masalah keruntuhan akhlak dan gejala seperti penyalahgunaan dadah, bohsia, mendera anak dan membuang anak. Sedikit sebanyak ia berpunca daripada kemewahan hasil perindustrian dan penghijrahan dari kampung ke bandar. Budaya kampung berbeza dengan budaya bandar. Di kampung kita tidak jauh daripada keluarga dan sahabat handai. Kita tidak bebas membuat sesuka hati kita. Kita tahu malu.

60. Di bandar kita hidup dalam masyarakat yang tidak kenal siapa. Yang menjadi kawan dan rakan ialah mereka yang sebaya dengan kita. Minat dan nafsu adalah sama. Apa yang dibuat oleh kita dibuat juga oleh rakan kita. Jika kita salah, salah jugalah mereka. Jika mereka salah, salah jugalah kita. Dengan itu kita tidak lagi berasa malu atau segan-silu jika bersalah. Apa sahaja yang hendak kita lakukan, kita lakukan.

61. Ternampak jelas yang ramai anak muda kita tidak dapat menangani kebebasan yang meluas ini. Agama yang diajar lebih menekankan rupa bentuk yang dikatakan Islam dan bukan nilai-nilai Islam yang mulia. Soal titik bengik diutamakan, tidak perkara yang berat. Justeru itu, walaupun pada permukaan pegangan kepada agama ternampak lebih kuat sekarang tetapi sebenarnya kefahaman agama dan pegangan kepadanya amat lemah. Hakikatnya ialah kebanyakan daripada mereka yang terjebak dengan dadah dan perbuatan-perbuatan curang terdiri daripada anak-anak kita yang beragama Islam. Tentu ada sesuatu yang tidak kena dalam didikan akhlak yang dikatakan berasas kepada agama. Agama tidak salah. Tetapi kita tahu apa yang diajar kepada kita ialah tafsiran dan pandangan orang tertentu. Sebab itu orang Islam terbahagi kepada berbagai-bagai mazhab dan kepercayaan, termasuk yang jelas salah

dan bertentangan dengan Islam yang sebenar. Kerana kesalahan tafsiran yang mempunyai kepentingan tertentu, agama yang sepatutnya menjadi benteng, sudah tidak lagi melindungi kita.

62. Kerajaan telah cuba untuk membentuk peribadi yang mampu menangani masalah hidup di bandar dengan kemewahannya melalui program rakan muda yang termasuk juga amalan dan ajaran agama. Tetapi ternyata kemajuan setakat ini menunjukkan kita belum dapat menangani masalah ini dengan baik. Apakah kita dapat membentuk generasi yang kian terdedah kepada maklumat dan nilai-nilai hidup yang boleh merosakkan lagi budaya mereka, menggantikan tempat kita?

63. Kita tidak dapat menyisihkan bangsa kita daripada dunia luar. Mahu tidak mahu kita terdedah kepada budaya asing yang ghairah dengan seks dan keganasan. Terpesong oleh nafsu, ilmu yang berguna dalam zaman maklumat tidak dituntut untuk mendatangkan faedah bagi kita. Sebaliknya kita asyik dengan melayan nafsu.

64. Akhirnya kita akan tergelungsur ke belakang dan kembali kepada status kita sebagai bangsa yang dihina dan dijajah.

65. Semua ini tidak akan berlaku atau tidak akan menjadi terlalu berat jika kita berjaya membentuk budaya yang boleh mempertahankan kita daripada gejala-gejala buruk zaman maklumat. Untuk ini kita perlu kepada kepimpinan yang gagah dan bersih. Dan kepimpinan ini mesti datang daripada UMNO.

66. Kualiti kepimpinan dalam UMNO akan menentukan jaya atau tidaknya bangsa kita di zaman maklumat. Kerana UMNO bukan sahaja perlu berpolitik, UMNO juga perlu menerajui reformasi budaya supaya kita akan dapat mempertahankan diri kita daripada dirasuk 'syaitan' yang akan datang bersama dengan ledakan maklumat dan kemewahan. 'Syaitan' ini dengan 'syaitan' yang merasuk semasa kemiskinan, yang boleh membawa kepada kekufuran, sama sahaja. Justeru itu, kita tidak dapat mencari perlindungan dengan

mengekalkan kemiskinan dan melindungi diri daripada maklumat zaman ini. Melarikan diri daripada masalah bukan caranya untuk menangani masalah. Bangsa yang bertamadun perlu menghadapi dan mengatasi masalah.

KESAN PILIH PEMIMPIN YANG RASUAH

67. Apakah jenis pemimpin yang diperlukan? Sudah tentu bukan pemimpin yang tidak bermoral, perasuah, pemimpin yang lebih mengutamakan kedudukan daripada kehormatan dan kejayaan bangsa, agama dan negara.

68. Memang biasa terjadi pemimpin yang bersih pun tergoda oleh duit ringgit apabila mendapat kuasa dan peluang.

69. Tetapi mereka yang awal-awal lagi sudah menunjukkan sifat-sifat yang buruk, yang menyogok untuk mendapatkan tempat, yang tidak segan-segan menyalahgunakan kuasa dan peluang untuk diri sendiri, sudah tentu mereka ini akan lebih sanggup disogok apabila mendapat tempat dan menjadi pemimpin. Pemimpin yang telah menghulurkan wang untuk mendapatkan sokongan sudah tentu tidak akan teragak-agak menerima wang sogokan untuk menyokong atau meluluskan sesuatu. Pemimpin perasuah akan mendirikan Kerajaan perasuah.

70. Sebagai Perdana Menteri atau Menteri atau pemegang jawatan-jawatan tertentu dalam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pendapatan hanya cukup untuk hidup sederhana.

71. Oleh itu jika mereka menggunakan wang dalam kempen, mereka perlu mendapatkan wang yang tidak halal atau mengeluarkan lesen, AP, saham, memberi tender atau kontrak dan sebagainya kepada penyokong mereka. Mungkin mereka yang dapat atau harap mendapat sesuatu akan menyanjung tinggi pemegang jawatan-jawatan tertentu dalam Kerajaan yang tidak bermoral ini. Ada antara ahli-ahli UMNO yang berpendapat bahawa apa gunanya kuasa jika ia tidak boleh digunakan untuk menolong kawan atau keluarga atau ahli

parti dan penyokong. Kepada mereka ianya tidak salah. Kepada mereka ianya hanya untuk membalas budi. Dahulu kita sokong, sekarang patutlah kita terima balasan yang setimpal, pada pandangan mereka. Lagipun yang diberi bukan milik Menteri, tetapi milik Kerajaan. Kuasa yang tertakluk kepada aturan-peraturan bukan kuasa. Kuasa bermakna hak membuat apa sahaja yang disukai. Jika hanya boleh diguna mengikut peraturan itu bukanlah kuasa, kata mereka.

72. Tetapi percayalah sama ada membalas budi atau tidak, penyalahgunaan kuasa dan rasuah akan menghancurkan parti kita, menghancurkan bangsa, agama dan negara kita. Sebabnya ialah bagi tiap seorang yang dibalas budi ada sepuluh, seratus bahkan seribu yang tidak dapat apa-apa. Mereka ini akan kecewa dan akan menolak parti apabila masanya tiba untuk memilih wakil ke Dewan-dewan Undangan. Apa gunanya menjadi pemimpin parti yang kalah?

73. Dan pemimpin-pemimpin yang korup tidak akan berhenti setakat membalas budi orang yang menolong mereka sahaja. Lambat-laun mereka akan menjual pengaruh dan kuasa mereka untuk memperkayakan diri sendiri. Akan ada agen mereka yang perlu dibayar. Untuk mendapat kebenaran atau kelulusan, permohonan akan sengaja dilambat-lambatkan sehingga disogok.

74. Pada mulanya sogokan dibuat secara tersembunyi. Kakitangan Kerajaan yang lain yang sedar akan kecurangan yang sedang berlaku akan mengugut supaya mereka juga disogok. Akhirnya yang berkuasa dan yang tidak berkuasa, tetapi tahu akan kecurangan pihak yang berkuasa, akan turut terlibat dengan rasuah. Oleh kerana semua terlibat masing-masing tidak akan berasa malu lagi. Semua akan menerima sogokan. Semua akan melindungi amalan rasuah. Rasuah menjadi amalan terbuka. Dan budaya rasuah ini mungkin akan menular ke seluruh masyarakat.

75. Jika ini berlaku, maka semua urusan Kerajaan tidak akan berjalan dengan licin dan semua kos akan meningkat. Tidak ada sesuatu yang akan dikecualikan daripada rasuah. Lesen, AP,

kelulusan, semuanya memerlukan sogokan. Urusan dengan swasta, seperti dengan bank, turut memerlukan bayaran tertentu untuk mereka yang meluluskan.

76. Rasuah tidak ada hadnya. Semakin lama semakin banyak yang dituntut oleh semakin ramai pihak. Akhirnya pelabur akan lari, peluang kerja tidak bertambah, bahkan merosot, kemiskinan merebak dan ekonomi tidak dapat tumbuh. Segala-galanya akan tertangguh dan lambat.

77. Negara yang menerima amalan rasuah sebagai satu budaya tidak mungkin maju. Pemimpin UMNO yang perasuah akan menjual dirinya kepada sesiapa yang menawar lebih dan akan dibeli oleh orang tertentu. Dasar-dasar Kerajaan, terutama yang berkaitan kepentingan Melayu dan Bumiputera akan diketepikan. Ingatlah bahawa kemampuan Melayu dan Bumiputera menyogok tidak sekuat orang lain.

78. Jika ini berlaku pembangunan orang Melayu dan Bumiputera tidak lagi dapat diusahakan. Mereka daripada kalangan Bumiputera yang mendapat apa-apa daripada Kerajaan akan terdiri daripada pengamal rasuah yang tidak mungkin mempunyai kecekapan. Dan mereka ini akan menjual segala yang mereka perolehi dengan serta merta untuk kaya cepat. Mereka akan membelanja habis secepat mungkin dengan harapan akan mendapat peluang lagi.

79. Seluruh masyarakat Melayu dan Bumiputera lain akan runtuh. Bangsa akan runtuh. Negara akan kembali menjadi miskin, kucar-kacir dan tidak stabil. Harapan bangsa Melayu dan Bumiputera lain untuk menjadi bangsa yang maju akan hancur berkecai. Orang asing akan ketawa, terutama mereka yang sudah pun mendakwa berkali-kali bahawa orang Melayu sebagai orang Islam tidak mungkin bangun menjadi bangsa yang maju dan berjaya. Dan semuanya ini kerana pemilihan calon yang korup untuk menerajui parti UMNO.

80. Inilah 'scenario' yang boleh berlaku jika amalan rasuah yang bermula dengan rebutan jawatan dalam parti yang tidak dibanteras.

81. Sementara itu apa akan jadi kepada UMNO? Hari ini kita sudah lihat bagaimana kos pemilihan ahli Majlis Tertinggi sudah meningkat. Ia bermula dengan sebuah negeri menempatkan wakil ke Perhimpunan Agung di hotel terkemuka. Kemudian negeri-negeri lain terpaksa turut. Kemudian taraf hotel untuk perwakilan terpaksa dinaikkan kepada lima bintang, tidak boleh kurang daripada itu jika ingin mendapat sokongan.

82. Semua belanja para perwakilan dan juga pemerhati ditanggung kononnya oleh Perhubungan Negeri. Dari mana datangnya wang yang begitu banyak? Mungkin derma kepada parti. Tetapi bolehkah wang parti digunakan untuk mempopularkan orang tertentu?

83. Kemudian calon-calon mula menyogok wang dan hadiah kepada para wakil. Perlumbaan diadakan antara calon-calon dan sogokan meningkat nilainya. Kini proses menyogok dimula lebih awal. Setahun atau lebih sebelum pemilihan diadakan, sogokan dimulakan. Bukan prestasi kerja atau kebolehan seseorang itu yang dijadikan asas pemilihan. Yang menentukan sokongan ialah nilai rasuah yang sanggup dihulur.

84. Di peringkat ini, wakil pula mula menawar sokongan kepada calon jika dihadiahkan sesuatu. Dan calon terpaksa belanja lebih lagi. Yang mampu kerana kejayaan Dasar Ekonomi Baru menghulur lebih banyak kepada wakil. Tetapi undi itu sulit. Dan wakil yang sama meminta pula sogokan daripada calon-calon lain. Dan mewahlah si wakil kerana disogok dengan wang oleh semua calon. Bukan sahaja perjalanan wakil-wakil ke Kuala Lumpur dan sewa bilik hotel lima bintang ditanggung, bahkan lawatan ke luar negeri diatur atau dijanjikan. Mulanya hanya melintas sempadan, tetapi hari ini rombongan ke Eropah dan Amerika juga perlu dibiayai untuk menjamin kesetiaan. Kerana wakil ke Perhimpunan Agung mendapat banyak faedah maka pertandingan memilih wakil menjadi sengit. Calon wakil ke Perhimpunan Agung mula menyogok

wakil-wakil ke bahagian. Kemudian yang menang perlu berusaha untuk mendapat balik modal. Mereka meminta sesuatu daripada calon Majlis Tertinggi jika sokongan mereka dikehendaki.

85. Dari mana datangnya semua wang ini? Sudah tentu pendapatan biasa tidak mencukupi. Mungkin penyokong lain yang kaya membantu. Tetapi apakah bantuan ini percuma? Tidakkah ia juga merupakan rasuah?

86. Akibat daripada semua ini ialah pemimpin yang curang dan perasuah akan memimpin UMNO dan menjadi pemimpin Kerajaan. Apakah dapat kita percaya kepada pemimpin seperti ini? Apakah mereka tidak akan menjual kita, ahli-ahli UMNO, orang Melayu, Bumiputera dan juga negara? Apakah bezanya mereka sebagai pemimpin UMNO dengan penagih dadah? Bila sudah ketagih maruah diri dan maruah bangsa akan dijual kepada sesiapa sahaja.

87. Memang sukar untuk kita menggambarkan sesuatu yang belum berlaku. Tetapi percayalah apa yang saya cuba gambarkan ini boleh berlaku. Sedikit sebanyak ia sudah pun berlaku. Kuasa Kerajaan telah pun digunakan untuk membeli sokongan.

88. Untuk memajukan sesuatu bangsa dan negara tidaklah mudah. Ia memerlukan masa dan usaha yang bersungguh-sungguh. Tetapi untuk menghancurkan sesuatu bangsa dan negara amat mudah sekali. Dan tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menghancurkan negara daripada memilih pemimpin yang curang dan perasuah. Pemimpin, sama ada raja atau presiden atau diktator, adalah orangnya yang telah menghancurkan empayar-empayar yang gemilang dalam sejarah manusia.

PROSES REFORMASI MELAYU BELUM SELESAI

89. Awal-awal lagi tadi saya telah tegaskan bahawa UMNO bukan semata-mata parti politik, tetapi ianya adalah satu Gerakan Reformasi, Gerakan Pembaharuan. UMNO telah mempelopori pertumbuhan budaya baru bagi orang Melayu, budaya yang telah

mendatangkan kemajuan yang banyak. Daripada satu bangsa yang dijajah, kita sudah menjadi bangsa yang disanjung tinggi dan dicontohi oleh bangsa-bangsa lain.

90. Tetapi proses Reformasi orang Melayu dan Bumiputera lain belum selesai. Banyak lagi yang perlu kita lakukan, banyak yang telah kita kenalpasti dan kita rancang. Tetapi semua ini tidak akan dapat dilaksanakan jika kita tidak mempunyai pemimpin yang jujur dan ikhlas bukan untuk hari ini sahaja tetapi untuk masa depan kita. Budaya yang telah kita bentuk sekarang belum dapat menjamin kualiti pemimpin-pemimpin kita. Budaya kita hari ini belum mampu menegakkan Tamadun Melayu Baru.

91. Kita perlu kepada pengekalan kuasa UMNO dalam Kerajaan untuk pembentukan budaya dan mendirikan tamadun baru yang kita idamkan ini. Yang telah kita lakukan hingga kini hanyalah memupuk budaya biasa yang berasas kepada nilai-nilai biasa. Kita semua tahu dan kenal nilai-nilai ini - nilai seperti ketertiban, disiplin, rajin, jujur dan ikhlas, adil dan lain-lain yang ditafsirkan sebagai nilai mulia yang universal. Dan secara kasar kita telah cuba mengamalkan nilai-nilai ini dengan sedikit sebanyak kejayaan. Tetapi ia belum mencukupi.

92. Budaya, bahkan nilai-nilai yang dikatakan universal sesuatu bangsa berbeza dengan bangsa-bangsa yang lain kerana falsafah dan tafsiran berkenaan butiran terperinci dalam nilai-nilai yang mulia ini. Demikian ketertiban sesuatu bangsa berbeza dengan ketertiban bangsa-bangsa lain. Ada bangsa yang menganggap menghormati orang tua, kaum keluarga dan pemimpin adalah sebahagian daripada ketertiban, tetapi ada yang menganggap semua ini kolot dan tidak menjadikan budaya mereka lebih tinggi. Dengan itu institusi kekeluargaan, keagamaan, nikah kahwin kekal dalam satu bangsa tetapi hancur dalam bangsa lain. Namun kedua-duanya menganggap dan mendakwa mereka tertib dan bertamadun.

93. Konsep kebersihan dan kecantikan juga berbeza di antara satu budaya dan budaya yang lain. Bagi satu, tidak kotor bermakna

bersih, bagi yang lain tidak mengotor baru dianggap bersih. Yang pertama mengotor dan kemudian mengharap pihak tertentu akan membersihkannya. Bagi yang satu lagi pembersihan tidak perlu kerana pengotoran tidak dibuat. Demikian juga dengan kecantikan. Apa yang dianggap cantik bagi satu bangsa, dianggap tidak cantik bagi bangsa-bangsa lain. Yang nyata ialah bersih dan cantik mempunyai tafsiran yang berbeza-beza.

94. Ada bangsa yang cekap memasak makanan yang lazat. Bangsa lain pula tidak hanya ingin makanan yang lazat tetapi hidangan, hiasan, cara-cara memakan juga perlu cantik dan tertib sebelum makanan dianggap sempurna. Yang mana satukah yang akan menjadi budaya kita, asas tamadun kita?

95. Seni sesetengah bangsa begitu halus tetapi seni yang sama bagi bangsa lain amat kasar. Ada bangsa yang mengutamakan kualiti dan ada bangsa yang mengutamakan harga yang murah. Ada bangsa yang cuba menghapuskan semua kecacatan hasil kerja mereka dan mengejar kesempurnaan atau 'perfection'. Ada bangsa yang tidak begitu mengambilkira sedikit kecacatan dalam kerja mereka dan ada pula yang berpendapat bahawa oleh kerana hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang bersih daripada segala kecacatan, maka mereka tidak harus cuba mengelak daripada kecacatan dalam hasil kerja mereka. Bahkan ada yang sengaja mencatitkan kerja mereka untuk membuktikan Tuhan sahaja yang tidak cacat. Sikap ini adalah satu keangkuhan kerana walau bagaimanapun manusia berusaha, hasil kerjanya tidak mungkin bersih daripada kecacatan. Jika diperiksa dengan halus sudah tentu kecacatan akan dikesan walau bagaimana cekap sekalipun seseorang itu. Oleh itu tidak perlulah kita sengaja mencatitkan hasil kerja kita. Kita tidak mungkin bersih daripada kecacatan seperti Tuhan. Namun jika kita mengejar kesempurnaan maka kualiti hasil kerja kita menjadi lebih baik dan berharga. Bangsa yang mengejar kesempurnaan tetap lebih berjaya daripada bangsa yang tidak mengutamakan. Yang mana satukah yang kita akan pilih untuk menjadi sebahagian daripada budaya kita?

96. Demikian juga dengan keadilan. Sepatutnya apa yang dianggap adil dalam masyarakat manusia adalah sama. Tetapi sebenarnya ia tidak sama. Apa yang dianggap adil bagi satu masyarakat dianggap tidak adil oleh masyarakat lain. Bahkan apa yang adil bagi masyarakat pada satu zaman dianggap tidak adil oleh masyarakat di zaman lain.

97. Dalam masyarakat manusia, jaya atau tidaknya sesuatu masyarakat banyak bergantung kepada konsep keadilan dan cara-cara pengadilan yang dipegang dan diamalkan oleh masyarakat berkenaan.

98. Kesempurnaan keadilan Islam pun terdedah kepada tafsiran yang berbeza-beza. Semua orang Islam mendakwa mereka berpegang kepada keadilan Islam, tetapi amalan mereka tidak sama. Ada yang gantung musuh tanpa perbicaraan atas nama Islam. Sebaliknya ada yang menuntut keadilan yang seadil-adilnya juga atas nama Islam.

99. Kerana perbezaan-perbezaan yang disebut di sini dan perbezaan-perbezaan lain maka tamadun yang didiri dan pencapaiannya berbeza antara satu dengan yang lain. Tamadun Islam terbentuk pada abad-abad permulaan perkembangan Islam. Selepas itu tamadun Islam merosot sehinggalah ia menjadi begitu daif di zaman ini. Apakah konsep keadilan dalam Islam sekarang tidak memainkan peranan dalam melemahkan tamadun Islam?

100. Semua yang saya sebutkan ini dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan adalah butiran halus yang perlu dipertimbang dan dijadikan sebagai budaya bangsa kita. Dengan memilih butiran-butiran halus yang boleh menjadikan budaya kita budaya yang sesuai dengan kemajuan dan kejayaan yang tinggi, maka pencapaian kita juga akan istimewa. Dengan budaya ini kita akan dapat membangunkan kesenian, keilmuan dan kecekapan yang istimewa bagi kita. Pembangunan mental dan fizikal, pencapaian dalam bidang ilmu, seni, pembangunan ekonomi, sosial, politik dan bentuk-bentuk bangunan serta kemajuan kejuruteraan - semua ini akan mencerminkan tamadun Melayu/Bumiputera baru, tamadun yang istimewa dan dikaitkan dengan bangsa Melayu dan agama Islam juga.

101. Inilah Reformasi yang hendak diusahakan oleh UMNO untuk menyusuli reformasi yang UMNO telah jayakan sehingga kini. Sudah tentu banyak lagi yang perlu dikaji, dihalusi, disemak dan dipupuk sebelum budaya baru orang Melayu dan Bumiputera lain dapat menjelma, sebelum terbentuk Tamadun Melayu/Bumiputera dan Islam Abad ke-21 yang diiktiraf dan disegani.

PEMIMPIN YANG DIPERLUKAN OLEH UMNO

102. Semua ini perlu diusahakan oleh UMNO. Tetapi ia hanya boleh diusahakan jika kita mempunyai UMNO yang dipimpin oleh pemimpin yang berkaliber, berkualiti, bersih daripada rasuah dan kepentingan diri. Pemimpin UMNO mesti terdiri daripada orang yang komited kepada perjuangan Reformasi yang telah diterokai, yang sanggup mengorbankan diri kerana sayang kepada bangsa, agama dan negara. Pemimpin UMNO mestilah terdiri daripada orang yang berkualiti tinggi yang menerajui Kerajaan buat beberapa dekad lagi, kerana pembentukan tamadun Melayu Baru akan memerlukan masa yang panjang.

103. Kita mungkin berfikir tidak ada perbezaan di antara satu pemimpin dengan pemimpin yang lain. Yang mana juga yang kita pilih, tidak banyak perubahan yang akan berlaku. Kemajuan tetap akan tercapai walau siapa pun yang menjadi pemimpin. Pendapat ini salah. Jangan kita fikir siapa sahaja boleh mengalahkan Malayan Union, mencapai kemerdekaan atau membangunkan rakyat desa. Di negara-negara lain kerana pemimpin yang salah dipilih, negara yang maju menjadi mundur. Dan apabila yang sesuai dipilih, negara mundur menjadi maju. Tidakkah pengalaman kita di Malaysia juga demikian? Jika kena pilihan kita, kemajuan yang tidak kita sangkakan boleh berlaku. Di kalangan calon yang bertanding ada yang akan menjadi pilihan kita yang kena pada tempatnya. Tetapi ada yang hanya akan merosakkan masa depan kita. Jika mereka ini yang dipilih maka sudah tentu kita tidak akan dapat membangunkan budaya yang cemerlang dan membentuk tamadun Melayu dan Islam yang kita harapkan.

TOLAK PEMIMPIN RASUAH

104. Sebagai orang Melayu, sebagai Bumiputera, sebagai pencinta bangsa, agama dan negara, saya menyeru para perwakilan supaya menolak semua calon yang telah menghulurkan rasuah dalam apa juga bentuk, termasuk mereka yang berkempen setelah ia dilarang. Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menubuhkan parti kita yang tercinta ini, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan Tamadun Melayu/Bumiputera Baru. Tolak mereka semua. Jangan kira kawan atau rakan. Kesetiaan kepada kawan yang tidak bermoral akan menghancurkan perjuangan bangsa dan negara. Sampaikan kepada mereka mesej yang jelas - UMNO tidak mempunyai tempat bagi pemimpin yang rasuah.

105. Singkirkan mereka kerana bangsa, agama dan negara, kerana masa depan kita. Tidak akan rugi, tidak akan lemah parti kita jika mereka yang korup tidak ada di kalangan pemimpin parti kita bahkan di dalam parti kita. Sebaliknya kita akan menjadi lebih kuat dan kita akan dapat menguruskan parti kita, perjuangan kita dengan baik dan dengan jayanya, insya-Allah.

106. Perjuangan bangsa kita belum selesai. Masih banyak yang perlu diperjuangkan, diusahakan, sebelum kita dapat menjadi bangsa yang maju yang dihormati oleh dunia. Kita mempunyai bakat. Kita mempunyai kebolehan. Dan kita boleh, insya-Allah.

107. Tanda-tanda sudah ada yang menunjukkan kemampuan kita untuk mencapai matlamat yang ditujukan. Jangan gadai masa depan kita. Jangan gadai budaya dan tamadun baru yang akan kita bentuk, hanya kerana sedikit keuntungan di hari ini.

108. Saya sedih kerana terpaksa mendedahkan pekong di dada sendiri dan membuat rayuan ini. Tetapi saya percaya benar-benar akan malapetaka yang akan menimpa kita jika kita tidak menolak mereka yang menyogok kita.

109. Sayanglah Parti, sayanglah bangsa, sayanglah agama dan sayanglah negara. Saya berdoa semua yang akan mengundi pada hari ini mengundi dengan hati yang bersih dengan mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala. Insya-Allah dengan berbuat demikian akan terpeliharalah kita, akan terselamatlah perjuangan kita untuk bangsa, agama dan negara, untuk menegakkan tamadun Melayu dan Islam Abad ke-21. Dan akan tertebuslah maruah bangsa.
